

06 DEC 2001

Negara-Belanjawan (Raya)

BERBELANJA UNTUK MERIAHKAN PERAYAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat berbelanja bagi memeriahkan sambutan perayaan Hari Raya, Krismas, tahun baru dan Tahun Baru Cina di samping membantu menambah aktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk menambahkan pendapatan rakyat melalui potongan cukai individu, bayaran bonus dan pelbagai elaun insentif.

Beliau turut meminta rakyat mengindahkan bandar, pekan, kampung dan rumah kediaman menjelang sambutan perayaan itu.

"Buktikanlah kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan sejahtera," katanya ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2002 di Dewan Negara di sini, hari ini.

Beliau berkata umat Islam akan meraikan Aidilfitri tidak lama lagi setelah sebulan berpuasa dalam keadaan negara yang aman berbanding dengan keadaan di beberapa negara Islam lain yang rakyatnya menderita kerana peperangan, keganasan dan bencana.

Beliau berkata rakyat Malaysia terus hidup dalam suasana aman dan harmoni serta dapat menyempurnakan ibadat tanpa sebarang kesulitan dan gangguan.

"Kesemua ini adalah hasil kejayaan kita membangunkan negara dan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat, kerana itu negara terus menikmati kemakmuran dan kestabilan," katanya.

Dr Mahathir juga menyeru rakyat melipatgandakan usaha bagi memastikan ekonomi negara digerakkan melalui kecergasan kegiatan dalam negeri ketika keadaan ekonomi tidak menentu dan semakin mencabar.

Menurutnya usaha gigih rakyat dengan semangat menguasai ilmu pengetahuan serta meningkatkan produktiviti akan menjamin ketahanan dan kemajuan negara ke tahap yang lebih cemerlang.

"Saya percaya dengan berkat dan keredhaan Allah, kita mampu membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif, aman dan makmur serta bermaruah, bebas dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

RZS RZS NAK